

07/02/1998

Kenyataan Dr Mahathir adalah arahan: Annuar

JELI, Jumaat - Kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar jawatan Ketua Umno Bahagian di Kelantan tidak dipertandingkan adalah berbentuk arahan dan bukan nasihat.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata kesimpulan itu berdasarkan beberapa perkara, termasuk permintaan Dr Mahathir supaya semua ketua bahagian memberi tempat kepada mereka yang tidak dapat bertanding dan menghentikan segala bentuk kempen.

Selain itu, Dr Mahathir juga mengarahkan Umno bahagian Gua Musang diterajui Tengku Razaleigh Hamzah, mengambil alih kedudukan penyandangannya sekarang, Saufi Deraman.

Annuar berkata, berdasarkan kenyataan itu Badan Perhubungan Umno Kelantan mentafsirkan kenyataan Presiden Umno sebagai satu bentuk arahan yang wajar dipatuhi setiap ahli Umno.

"Jadi penafsiran badan perhubungan terhadap semua perkara itu adalah satu bentuk arahan yang mesti dipatuhi, sebab bagi yang hadir dalam mesyuarat perhubungan mereka tahu dalam nada mana, bahasa apa dan suasana macam mana Presiden mengeluarkan arahan.

"Saya harap perkara ini dipandang serius dan jangan memperolok-olokan pandangan Presiden parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pentadbiran cawangan Umno bahagian Jeli, di pejabat Umno Jeli, di Bukit Nangka, di sini, hari ini.

Annuar berkata, langkah awal bagi melaksanakan arahan Presiden Umno itu sedang dilaksanakan dan Badan Perhubungan Umno negeri sudah mengadakan perbincangan dengan semua ketua bahagian secara berasingan.

Katanya, hasil perbincangan itu semua ketua bahagian terbabit bersetuju menerima arahan presiden termasuk memberi tempat kepada mereka yang tidak dapat bertanding.

"Sementara mereka yang tidak dapat bertanding berkorban menerima arahan Presiden, ketua bahagian juga perlu berkorban melaksanakan arahan Presiden supaya mereka yang tidak bertanding diberi tempat dalam barisan kepimpinan Umno bahagian," katanya.

Annuar berharap mereka yang berkempen menghentikan segera tindakan itu sebagai mematuhi arahan Presiden Umno.

(END)